

Jalanan persaudaraan erat hubungan KL, Jakarta

BH-26/7/2006

JAKARTA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, hubungan Indonesia dan Malaysia yang semakin kukuh, disebabkan antara lainya oleh jalinan persaudaraan erat antara beliau dan Presiden Susilo Bambang Yudhoyono.

"Saya dan Presiden Susilo menjalin hubungan persaudaraan yang baik," kata Perdana Menteri, dalam satu temu bual dengan akhbar terkemuka Indonesia, *Republika*, di sini, semalam.

Dalam laporan temu bual yang disiarkan di muka depan akhbar itu semalam, Abdullah berkata, beliau sudah empat kali berkunjung ke Indonesia sejak memegang jawatan pada Oktober 2003 selain sering berhubung melalui telefon dengan Susilo.

"Saya menelefon beliau dan beliau menelefon saya (bagi membincang-

kan) apa-apa saja yang bisa dibicarakan," katanya.

Abdullah berkata dengan cara itu keakraban dapat diwujudkan antara mereka selain dapat saling memahami pendirian masing-masing.

Dalam temu bual oleh empat wartawan kanan *Republika* diketuai Ketua Pengarangnya, Ikhwanul Kiram Mashuri, Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Indonesia juga ingin menjalin kerjasama ekonomi dan pendidikan yang lebih erat.

"Kerana itu, kerjasama pada peringkat menteri menjadi lebih mantap," kata Abdullah, yang sering mendapat permohonan untuk ditemubual secara eksklusif oleh media arus perdana Indonesia setiap kali mengadakan lawatan ke sini.

Mengenai kebangkitan ekonomi global dari Asia Tenggara, beliau berkata kedua-dua negara juga mera-

sakan yang sama dan oleh itu, kerjasama umat Islam di Malaysia dan Indonesia antara mereka harus dipergiatkan sekarang.

Dengan kerjasama ini, kedua-duanya mulai memainkan peranan untuk memangkinkan pelbagai kerjasama dengan negara Islam dan juga Asean, katanya.

Perdana Menteri berkata, permufakatan yang terjalin kini adalah lebih komprehensif, sambil memberi contoh kerjasama yang sudah dipersetujui Malaysia dan Indonesia dalam pembangunan produk kelapa sawit untuk dijadikan biofuel.

Malaysia dan Indonesia bersetuju memperuntukkan enam juta tan sawit keluaran masing-masing setahun untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan ke arah menghasilkan biofuel sebagai sumber tenaga alternatif.

Satu contoh kerjasama lain yang beliau sebutkan ialah antara Petronas dan Pertamina.

Abdullah berkata Malaysia dan Indonesia juga bekerjasama rapat dari segi menetapkan pendirian yang sama dalam isu dunia yang membatikan umat Islam seperti isu berkenaan penyiaran karikatur menghina Nabi Muhammad SAW.

"Sebelum saya telefon, Bapak Presiden telefon saya dulu. Kita harus ambil pendirian yang sama kerana rakyat kita juga sudah sama-sama tunjukkan mereka marah dalam isu itu," kata Perdana Menteri.

Ketika ditanya kenapa Malaysia sangat aktif dan segera memberi bantuan setiap kali terjadi bencana di Indonesia, Perdana Menteri berkata, pertamanya kerana kedua-dua negara bersaudara dan jiran terdekat.